

PROGRAM “TAFACQUH FIDDIN ” ANJURAN KERAJAAN NEGERI PAHANG DI MASJID-MASJID DI NEGERI PAHANG: SUATU SOROTAN

**Badli Shah bin Alauddin,¹ Ahmad Effat bin Mokhtar,² & Fahmi Zaidi
bin Abdul Razak³**

¹ Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Sultan Ahmad Shah, Km 8, Jalan Gambang 25150 Kuantan Pahang, Malaysia.

² Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs and Alumni), Universiti Islam Sultan Ahmad Shah, Km 8, Jalan Gambang 25150 Kuantan Pahang, Malaysia.

³ Director of Graduate Centre, Universiti Islam Sultan Ahmad Shah, Km 8, Jalan Gambang 25150 Kuantan Pahang, Malaysia.

Corresponding Author: Badli Shah bin Alauddin. Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Sultan Ahmad Shah, Km 8, Jalan Gambang 25150 Kuantan Pahang, Malaysia. Email: ustatbad@gmail.com

Abstrak

Masjid sebagai tempat pelaksanaan ibadat-ibadat ritual kini telah dimanfaatkan menjadi sebuah tempat pelaksanaan program-program pendidikan Islam. Kajian ini akan membahas bagaimana peranan kerajaan Negeri Pahang dalam mewujudkan program-program pendidikan Islam secara formal khusus untuk masjid-masjid di Pahang. Secara umumnya, kajian ini adalah berorientasikan kepada kajian asas atau *pure research* yang bertujuan untuk memahami subjek yang dikaji. Data kajian pula adalah berbentuk kualitatif deskriptif. Subjek kajian terdiri daripada pihak Yayasan Pahang yang mewakili kerajaan Negeri Pahang selaku urusetia, para pelajar Tahap 1 *Tafaquh Fiddin* dan urusetia pengelola di masjid-masjid. Hasil kajian mendapati bahawa kerajaan Negeri Pahang sangat serius untuk mewujudkan kelas-kelas pengajian agama berbentuk formal di masjid. Hal ini terbukti dengan jadual pengajian *Tafaquh Fiddin* yang padat pada setiap minggu pengajian. Silibus matapelajaran yang dijadualkan memiliki beberapa disiplin keilmuan Islam seperti fiqh, tafsir, tauhid, sirah dan matapelajaran yang lain. Pelaksanaan program *Tafaquh Fiddin* ini adalah pada setiap hujung minggu iaitu hari Sabtu dan Ahad yang dibimbing oleh guru-guru bertauliah. Program *Tafaquh Fiddin* ini mendapat respon yang positif berbentuk sokongan dari para jemaah.

Kata Kunci: Masjid, *Tafaquh Fiddin*, Pendidikan, Pengajian Masjid

(“TAFACQUH FIDDIN” PROGRAMME ORGANIZED BY THE STATE OF PAHANG GOVERNMENT IN THE STATE OF PAHANG MOSQUES: A REVIEW)

Abstract

A mosque is a place of worship that can be used for religious activities, especially Islamic education activities. This research objective was to discuss how the efforts of the government of the State of Pahang in realizing the Tafaquh Fid Din (Advanced Islamic Studies) programme as an Islamic education for the Pahang community. This research design was field research with a descriptive qualitative approach. The research subjects consisted of the head of Pahang Foundation officers, adult learners and mosque takmir. The results showed that the Pahang State government is very serious about creating formal religious studies classes in mosques to the maximum extent. It was evidenced by the busy schedule of the classes' assembly in a week. The syllabus of the scheduled subjects has several Islamic disciplines such as fiqh, tafsir, tauhid, sirah and other subjects. The implementation of the classes is on every Saturday and Sunday, guided by certified teachers. The Tafaquh Fiddin program received a positive response and community support.

Keywords: Mosque, Tafaquh Fiddin, Education, Mosque Advanced Islamic Studies

Received: October 27, 2022

Accepted: December 30, 2022

Online Published: December 31, 2022

1. 1. Sejarah Masjid Sebagai Institusi Pendidikan

Pendidikan Islam merujuk kepada pembelajaran ilmu-ilmu berkaitan diajarkan kepada para penuntut ilmu. Selain mempelajari al-Quran dan al-Hadis, pembelajaran turut merangkumi cabang-cabang berkaitan ilmu-ilmu agama yang merangkumi Aqidah, Sejarah, Bahasa Arab dan juga ilmu tentang kehidupan secara umum (Lanre et al., 2014).

Pada masa dahulu, proses pengajaran ilmu-ilmu Islam kebanyakannya dijalankan di masjid-masjid khususnya pada zaman awal Islam. Bahkan binaan masjid pertama yang bersambung dengan binaan sekolah telah pun didirikan di Madinah pada tahun 653 Masihi, dan menjelang tahun 900 Masihi hampir setiap masjid disambungkan terus dengan bangunan sekolah rendah untuk lelaki dan perempuan (Omer, 2010).

Pendidikan di masjid ini biasanya sudah bermula sejak kanak-kanak berusia lima tahun, dan perkara pertama yang akan mereka pelajari ialah menulis sembilan puluh sembilan nama Allah dan juga petikan-petikan mudah dari ayat-ayat al-Quran. Kemudian, selepas mereka berjaya menguasai teknik membaca dan menulis dalam bahasa Arab, mereka akan diajarkan al-Quran secara menyeluruh. Bagi pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi, mereka boleh pergi ke masjid yang lebih besar, di mana sistem

pendidikannya lebih sistematis. Kebanyakan masjid sudah pun menawarkan pembelajaran ilmu-ilmu berkaitan tatabahasa Arab, syair Arab, ilmu logik (mantiq), algebra, biologi, sejarah, undang-undang dan juga teologi (Alkhateeb, 2012).

Tradisi pembelajaran ketika itu ada secara “*Halaqat al-Ilmi*” atau belajar dalam bentuk bulatan. Konsep halaqah adalah pelajar duduk mengelilingi guru dan jumlah mereka adalah antara tiga hingga dua belas pelajar untuk setiap kumpulan (Rasmanah, 2011). Kaedah ini adalah bentuk pembelajaran terawal dan mampu memberi kesan terhadap pembangunan rohani para pelajar kerana mereka akan duduk mengelilingi guru yang mengajar. Secara tidak langsung, kaedah ini mendidik pelajar agar menghormati guru. Mereka akan saling mendengar pengajaran dan seterusnya berbincang sekiranya terdapat kemusykilan. Proses pembelajaran di masjid juga diyakini ada unsur keberkatan kerana semua pelajar akan beriktikaf di dalam masjid (Zaimeche, 2002).

Disebabkan oleh jumlah pelajar yang semakin bertambah saban tahun, peranan masjid sebagai pusat pendidikan telah berubah dengan drastik. Pada asalnya masjid hanyalah sebagai pusat pendidikan, namun telah berubah menjadi sebuah institusi pendidikan. Pelajar yang datang dari jauh disediakan penginapan di sebuah bangunan yang bersambung dengan masjid yang dipanggil sebagai “*Khan*”. Masjid telah berubah menjadi sekolah berasrama yang menyantuni pelajar-pelajar miskin dan juga yang datang dari jauh. Yuran pengajian juga dikecualikan dan ada antara mereka yang diberikan elaun sara hidup. Infrastruktur masjid juga semakin berkembang. Asalnya hanya memiliki ruang solat, kemudian berubah dengan membina pula asrama. Seterusnya masjid telah menyediakan pula bilik khas untuk perpustakaan, dapur, bilik membasuh pakaian dan ruang untuk ulangkaji pelajaran (Rasdi & Utaberta, 2010; Rasdi, 1998; Zaimeche, 2002).

Pihak pemerintah juga tidak ketinggalan memainkan peranan dalam mengembangkan lagi peranan masjid menjadi sebuah institusi pendidikan yang tersusun dan bersistematis. Pelbagai peruntukan telah dikeluarkan, antaranya dengan melengkapkan perolehan buku-buku di perpustakaan masjid yang bukan sahaja menumpukan kepada rujukan ilmu-ilmu Islam bahkan merangkumi juga ilmu sains dan bahasa-bahasa asing. Ada juga dikalangan pemerintah yang menyediakan pustakawan khusus untuk menguruskan perpustakaan masjid, dengan elaun serta gaji mereka ditanggung sepenuhnya oleh pemerintah (Zaimeche, 2002).

2. Kajian Lepas

Secara umumnya disepakati bahawa pengajaran di masjid mempunyai hubungan yang erat dengan pembangunan individu Muslim dan masyarakat. Ini kerana institusi masjid telah dijadikan salah satu tempat yang utama bagi penyebaran ilmu pengetahuan dan kebudayaan Islam. Namun untuk mewujudkan sebuah sistem pendidikan yang teratur, memerlukan kepada sokongan pihak kerajaan. Ini kerana pembentukan sesebuah sistem pendidikan yang tersusun memerlukan suntikan dana yang besar (Wirian, et al., 2022; Rahman, 2017; Munir, 2013; Ferdi, 2013; Agustina, 2008).

Kajian oleh Muhammad et. al (2021) di Brunei membuktikan peranan penting Kerajaan Brunei Darussalam memperkasakan pengajian keagamaan di masjid menerusi Kelas Dewasa Ugama. Pada awalnya terdapat dua bentuk kelas yang diadakan iaitu Kelas Dewasa Ugama dan Kelas Dewasa Al-Quran yang kemudiannya disatukan dan dikenali sebagai Kelas Dewasa Ugama yang mengandungi mata-mata pelajaran seperti Tauhid, Feqh, Tasawuf dan al-Quran.

Selain itu kajian oleh Hasanain et. al. (2021) di masjid-masjid kawasan Nusa Tenggara Barat, khususnya di Kabupaten Lombok Timur juga mendapati kewujudan kelas dan aktiviti formal di masjid-masjid adalah bertitiktolak dari usaha yang dijalankan oleh Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat (Ditjen Bimas) Kementerian Agama Republik Indonesia.

Begitu juga kajian Rahman et. al. (2019) terhadap keberkesanan *silibus Singapore Islamic Education System (SIES)* yang dilaksanakan di madrasah dan masjid-masjid Singapura atas jenama L.I.V.E. (*Learning Islamic Values Everyday*) dan ADIL (*Adult Islamic Learning*) sangat berkait rapat dengan peranan aktif pihak pemerintah menerusi Majlis Ugama Islam Singapura.

Satu aspek yang menarik juga untuk dilihat adalah, walaupun ada negara yang mengamalkan dasar tidak melibatkan diri secara langsung dalam urusan pendidikan Islam di masjid, namun pelaksanaan kelas-kelas pengajian tetap berjalan tanpa gangguan. Sebagai contoh kajian oleh Basri (2018) di Guangzhou, China mendapati pihak pemerintah di China membenarkan kelas-kelas pengajian di masjid (*Jingtang Jiaoyu*) diuruskan melalui pembiayaan dana zakat, wakaf dan infak masyarakat Islam menerusi *China Islamic Association*. Selain itu kerajaan China turut membenarkan masjid di Haopan menjalankan kelas pengajian di masjid menerusi dana yang diperolehi daripada perniagaan hotel yang diuruskan sendiri oleh pihak masjid.

Hal yang sama juga berlaku di Hong Kong, dimana kajian oleh Rudy Harisyyah Alam (2016) mendapati pemerintah di Hong Kong mewujudkan *Incorporated Trustees of the Islamic Community Fund of Hong Kong* (dianggotai oleh kesemua badan kebajikan masyarakat Islam di Hong Kong) untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan masjid dan mewujudkan kelas-kelas pengajian. Pihak pemerintah sendiri telah menganugerahkan tanah untuk pembinaan lima buah masjid serta lain-lain bantuan sokongan.

Maka tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan memainkan peranan penting dalam menggerakkan masjid-masjid untuk menjalankan kelas-kelas pengajian yang tersusun dan bersistematik. Kos pengendalian kelas-kelas pengajian di masjid agak tinggi kerana majoritinya dijalankan secara percuma tanpa sebarang yuran. Kerajaan Negeri Pahang sendiri memperuntukkan sebanyak RM 5.3 juta untuk pembiayaan Program *Tafaquh Fid Din* (TFD) Negeri Pahang untuk tempoh 2015 – 2021 (Yayasan Pahang, 2015).

3. Peranan Kerajaan Negeri Pahang Dalam Pembangunan Pendidikan Islam

Program *Tafaqquh Fid Din* (TFD) Negeri Pahang merupakan inisiatif kerajaan Negeri Pahang untuk mengembangkan Islam di Pahang. Pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan dan memantau program ini ialah Yayasan Pahang yang merupakan organisasi bantuan pendidikan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang. Punca kuasa kepada peranan dalam bidang pendidikan Islam di Negeri Pahang adalah bersumberkan dari peranan Sultan itu sendiri sebagai Ketua Agama Negeri.

Seperti yang dimaklumi, institusi raja adalah sangat penting bagi penduduk di Tanah Melayu sejak dahulu lagi. Kewujudan raja dikaitkan dengan wujudnya sesebuah kerajaan dan negeri (Matheson, 1975). Dari segi asal usul istilahnya pun sudah menyakinkan kita. Istilah 'kerajaan' diambil dari perkataan 'raja'. Perkataan 'state' atau 'Government' dalam bahasa Inggeris diterjemahkan sebagai 'kerajaan' dan tentu sekali ada kaitannya dengan raja. Ini membayangkan pada pemikiran orang Melayu kerajaan dan raja sangat rapat hubungannya. Ia juga membayangkan bahawa orang-orang Melayu sejak dahulu lagi ada raja dan mengamalkan sistem pemerintahan beraja (Milner, 1981) Mereka menganggap raja sebagai punca atau kuasa yang menjamin kedamaian, kemakmuran dan kegemilangan masyarakat. Buktinya, Sejarah Melayu menekankan bahawa negara hanya wujud selagi wujudnya seorang raja yang berwibawa (Brown, 1970) Jadi, kerajaan ialah bentuk pemerintahan yang ketuanya ialah raja (Badudu, 1994). Tanpa seorang raja yang berdaulat dipercayai tiadalah negara seterusnya manusia akan hidup dalam keadaan berpecah belah dan amat primitif sekali.

Dari sudut pentadbiran dan perundangan di Negeri Pahang, punca kuasa Sultan – kerajaan Negeri Pahang ini ada termaktub dalam Perkara 3(2) dan Perkara 3(3) Perlembagaan Persekutuan. Selain itu jika dirujuk pula kepada Seksyen 3, Bahagian 1, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 juga jelas menyatakan posisi sultan, iaitu:

Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh melemahkan atau menyentuh hak-hak prerogatif dan kuasa-kuasa istimewa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Negeri, sebagaimana yang ditetapkan dalam Perkara 24 Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang.

Manakala menurut Fasal (1) Perkara 24 Bahagian 1 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang:

Ketua Ugama Negeri hendaklah Raja Pemerintah dan Raja Pemerintah, dari satu masa ke satu masa, bolehlah mengeluarkan perintah supaya diadakan lagi apa-apa undang-undang sebagaimana yang patut pada timbangan baginda bagi maksud mengatur hal ehwal agama; dan bagi menubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu yang akan digelar dalam bahasa Inggeris "*Council of Religion and Malay Custom*" bagi menolong dan menasihatkan Raja Pemerintah dalam semua perkara mengenai Ugama Negeri dan Adat Resam Melayu (Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang, 1983, hlm. 17).

Dengan kedudukan Sultan sebagai Ketua Agama menurut perlembagaan dan Undang-Undang Tubuh Negeri Pahang, ia menzahirkan peranan baginda dalam memastikan kelangsungan pengembangan Islam khususnya dari sudut pendidikan keagamaan di Pahang (Rosele et al., 2018).

4. Peranan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang

Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan agama Islam di bawah kuasa pentadbiran Sultan. Oleh itu, difahami segala perkara yang melibatkan agama Islam adalah di bawah kekuasaan Sultan. Namun, Sultan sudah tentu tidak bersendirian dalam mengurus urusan agama Islam, akan tetapi dibantu atau diamanahkan kepada organisasi-organisasi khusus contohnya pusat zakat, institusi fatwa dan majlis agama. Di Pahang, antara institusi yang menonjol dalam menjalankan amanah perkembangan Islam adalah Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang (MUIP). Ini selaras dengan Undang-Undang Tubuh Tubuh Kerajaan Pahang yang menyatakan perlunya diwujudkan sebuah majlis yang menasihati dan membantu sultan dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam.

Fungsi MUIP ini jelas dinyatakan dalam Fasal (1), Perkara 24 Bahagian 1, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang, ringkasnya:

1. Membantu dan menasihati Sultan mengenai agama Islam dan adat resam Melayu.
2. Mempunyai kuasa, membincangkan dan menjalankan aktiviti berhubung pembangunan agama Islam dan adat resam Melayu (Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang, 1983 hlm. 17).

Oleh itu, jelaslah fungsi utama MUIP dalam membantu sultan mengembangkan agama Islam di Negeri Pahang. Segala aktiviti yang dijalankan oleh MUIP hakikatnya mempunyai hubungan langsung dengan Sultan. MUIP juga mempunyai beberapa badan yang menyokongnya dalam menjalankan peranan dan fungsi pengukuhan Islam di Pahang. Antara badan tersebut adalah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan Yayasan Pahang (YP). JAIP berperanan melaksanakan dasar yang diputuskan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan Kerajaan serta mengikut peraturan-peraturan yang terkandung dalam enakmen-enakmen yang berkaitan dengan agama Islam negeri Pahang. Antara peranan lain JAIP adalah melaksanakan program-program ilmiah dan kerohanian, menguatkuasakan undang-undang agama Islam, menyelaras dan mengurus pendidikan agama Islam, membangun institusi keluarga agama, melakukan kajian dan penilaian terhadap urusan (Jabatan Agama Islam Pahang, 2022)

Adapun Yayasan Pahang, misi kewujudannya sejak 29 September 1983 adalah khusus untuk meningkatkan kemajuan pendidikan dan seterusnya memperluaskan peluang-peluang mendapat pendidikan dalam kalangan anak negeri di Pahang. Dalam konteks punca kuasa pelaksanaan program TFD di masjid-masjid, Yayasan Pahang sebenarnya juga diterajui oleh individu yang juga merupakan Ahli Majlis Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang iaitu:

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanul Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selaku Tuanku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
2. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Pahang
3. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Setiausaha Kerajaan Pahang selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Pahang.

Peranan Yayasan Pahang Dalam Tafaqqh Fid Din

Program TFD merupakan salah satu dari program pendidikan berterusan yang dijalankan oleh YP menerusi Unit Capaian Komuniti di Bahagian Operasi Yayasan Pahang. Dari sudut sejarahnya, program TFD ini telah bermula pada 6 Jun 2015 dengan hanya 4 masjid terlibat sebagai pusat pengajian. Namun disebabkan oleh permintaan yang tinggi oleh masyarakat negeri Pahang dalam mempelajari ilmu pengajian Islam, YP telah memperluaskan program ini ke seluruh masjid daerah di Negeri Pahang (Yayasan Pahang, 2015).

Pada peringkat permulaan, program ini telah diadakan di empat lokasi sahaja iaitu di Masjid Negeri Sultan Ahmad 1 Kuantan, Masjid Tengku Ampuan Afzan Indera Mahkota Kuantan, Masjid Sultan Haji Ahmad Shah Bentong dan Masjid Sultan Ahmad Shah Al-Haj Pekan. Namun disebabkan permintaan yang semakin meningkat, maka pada April 2016 program ini telah diperluaskan ke 10 buah lagi pusat pengajian iaitu di Masjid Tengku Mahkota Abdullah Rompin, Masjid As-Syakirin Maran, Masjid Tengku Abdullah Jerantut, Masjid Sultan Mahmud Lipis, Masjid Sultan Abu Bakar Raub, Masjid Abu Bakar Temerloh, Masjid Darul Fikri Bera, Masjid KUIPSAS Kuantan, Masjid Sultan Ahmad Shah Jengka dan di Yayasan Pahang (Yayasan Pahang, 2015).

Pada tahun 2017, program ini telah diperluaskan lagi ke beberapa buah masjid dan institusi iaitu di Masjid Al Muadzam Shah, Masjid Saiyidina Umar Al-Khattab Cenderawasih Kuantan, Masjid Taman LKNP Pekan, Penjara Bentong, Penjara Penor dan Pusat Pemulihan Pemasarakatan Kem Batu 10 Kuantan. Seterusnya Yayasan Pahang memperluaskan lagi dengan menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin, Putrajaya (Yayasan Pahang, 2015).

Kursus Pengajian TFD Yayasan Pahang telah mencatatkan sejarah dengan mengembangkan sayangnya buat pertama kali ke peringkat antarabangsa dengan memperkenalkan TFD Mesir pada awal tahun 2019. TFD Mesir memberi manfaat kepada lebih 250 orang pelajar yang terdiri daripada anak-anak Pahang di Kaherah, dengan memberi keutamaan kepada subjek-subjek teras yang merupakan silibus tetap para pelajar di Universiti Al-Azhar.

5. Objektif Pelaksanaan Program TFD

Objektif Am

Program ini bertujuan menyediakan kemudahan kepada masyarakat Islam di Negeri Pahang mempelajari ilmu pengajian Islam secara sistematik tanpa mengira peringkat umur, taraf pendidikan dan kelayakan untuk belajar (Yayasan Pahang, 2015).

Objektif Khas

- i. Program ini mampu memberi peluang kepada masyarakat Islam di Negeri Pahang memperbaiki tahap pengetahuan dan kefahaman mereka berkaitan dengan ilmu-ilmu Fardhu Ain seperti Ilmu Tauhid, Ilmu Feqah, Ilmu Tasawuf dan membaca al-Quran serta tafsirannya.
- ii. Memberi alternatif kepada masyarakat Islam di Negeri Pahang menimba ilmu agama serta memakmurkan institusi masjid disetiap daerah.
- iii. Meningkatkan kadar celik ilmu Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah dikalangan umat Islam di Negeri Pahang.
- iv. Menyemarakkan suasana dan budaya mencintai ilmu pengetahuan di kalangan masyarakat Islam dengan memberi galakan kepada golongan remaja dan pertengahan menghadiri kelas- kelas pengajian Islam yang diadakan.

Sebagai salah satu strategi pengajian sepanjang hayat, TFD mengapakai modul secara berstruktur yang dinamakan sebagai Modul Persijilan Pengajian Islam TFD Negeri Pahang. Guru-guru yang terpilih perlu melalui saringan yang ketat. Program ini juga dipantau dan diselidikan oleh beberapa Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi memastikan kualiti berterusan program ini iaitu:

1. Jawatankuasa Induk
2. Jawatankuasa Panel Penggubal Kurikulum TFD
3. Jawatankuasa Penggubal Soalan Peperiksaan Akhir TFD
4. Jawatankuasa Pemilihan Tenaga Pengajar Jawatankuasa
5. Jawatankuasa Pemantau Perjalanan TFD

Kewujudan jawatankuasa-jawatankuasa ini menjadikan program TFD berjalan dengan sangat teratur dan sistematik (Yayasan Pahang, 2015).

6. Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar terdiri daripada mereka yang memiliki kelulusan pengajian agama dalam bidang syariah, usuluddin dan pengajian Islam. Bagi guru-guru agama lepasan sekolah pondok juga diberi keutamaan, antara syarat-syarat yang mesti ada pada tenaga pengajar adalah seperti berikut:

1. Memiliki Diploma/Ijazah/Master/Ph.D (Pengajian Islam) dari mana-mana universiti tempatan atau timur tengah yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia.
2. Memiliki pengalaman mengajar kitab atau mampu membaca kitab-kitab lama/arab dan mensyarakannya dengan baik.
3. Mahir membaca al-Quran secara bertajwid dan keutamaan kepada yang boleh bertarannum.
4. Bagi yang tidak memiliki kelulusan daripada universiti yang diiktiraf, maka pengajian mereka selama beberapa tahun belajar di pondok serta kemampuan mengajar kitab boleh dijadikan sebagai syarat untuk diterima mengajar.
5. Berminat serta memiliki komitmen yang tinggi serta sanggup bertugas dalam masa yang ditentukan oleh pihak pengurusan masjid daerah.
6. Memiliki keperibadian yang baik, dihormati serta mampu menjadi contoh dan tauladan kepada masyarakat umum dan peserta.

7. Waktu Pengajian

Jangkamasa kelas pengajian adalah selama 1 ½ jam bagi satu mata pelajaran, dengan 3 jam sehari iaitu mempelajari 2 mata pelajaran. Kelas diadakan sebanyak 2 kali seminggu pada hari Sabtu dan Ahad, bermula jam 9.00 pagi – 12.30 tengahari. Setiap sesi pengajian akan mempelajari 2 mata pelajaran (Feqah & Tauhid) atau (al-Quran & Tasawuf).

Kehadiran ke kelas adalah wajib dan akan direkodkan. Bagi peserta yang gagal menghadirkan diri sebanyak tiga kali berturut akan diberikan surat peringatan dan tunjuk sebab. Sekiranya peserta tidak hadir selama 2 bulan berturut-turut, maka peserta akan disingkirkan daripada mengikuti kelas. Peperiksaan akan diadakan setelah peserta menamatkan setiap tahap sebelum dibenarkan berpindah ke tahap berikutnya. Hanya peserta yang lulus ujian setiap tahap sahaja yang dibenarkan mengikuti tahap berikutnya. Graduasi bagi peserta yang telah menamatkan tahap 1, 2 dan 3 akan diadakan dan sijil tamat pengajian akan dikeluarkan kepada para peserta yang berjaya menamatkan pengajian mereka dengan jayanya (Yayasan Pahang, 2015).

8. Kurikulum

Kurikulum pendidikan Islam yang digunakan adalah gabungan daripada kitab-kitab lama dan baru, Kitab-kitab lama memiliki khazanah ilmu Islam yang sangat bernilai dan mendalam namun ianya sukar dibaca lantaran gaya bahasa penulisannya yang sukar difahami oleh generasi masa kini. Justeru satu usaha mesti dilakukan untuk mengali semula khazanah lama ini agar ianya tidak luput ditelan zaman. Salah satu daripada usaha tersebut ialah dengan mempelajari semula kitab-kitab lama tersebut dengan olahan gaya baharu

melalui pendekatan terjemahan kitab-kitab tersebut yang telah dibuat oleh ramai sarjana dan penterjemah.

Senarai kitab yang digunakan adalah (Yayasan Pahang, 2015).

1. Kitab “Tafsir Ibnu Katsir” (jilid 1-10), susunan Dr. Abdullah bin Muhammad bin ‘Abdurrahman bin Ishaq Alu Syaikh (1994), terbitan Pustaka Imam Asy-syafi’ie, Jakarta.
2. Kitab “*Fiqh Manhaji ‘Ala Mazhab Imam as-Syafie*” susunan Dr. Mustofa al-Khin, Dr. Mustofa al-Bugho dan Ali asy-Syarbaji (2005). Terbitan Pustaka Salam Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
3. Kitab “*Hidayah as-Salikin Fi Suluki Maslaki al-Muttaqin*” susunan Tuan Syeikh Abdu as-Shamad al-Falimbani, dengan pengalihan tulisan jawi ke rumi oleh Ustazah Noraine Abu dan Ustaz Mashadi Masyuti. Terbitan Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd., Batu Caves.
4. Kitab “Bimbingan Mukmin” susunan Imam al- Ghazali (2010), terjemahan oleh Ustaz Johari Yaman dan Ustaz Azhari bin Haji Ibrahim (Habib Abdul Samad), terbitan Nadi Minda Resources, Rawang.
5. Kitab “Aqidah Ahli Sunnah Waljama’ah” susunan Haji Said bin Haji Ibrahim (1996), terbitan Penerbit Darul Ma’rifah, Kuala Lumpur.
6. Kitab “Tajwid Al-Quran Rasm ‘Uthmaniy” susunan Haji ‘Abdul Qadir Leong al-Azhari (1998), terbitan Pustaka Salam Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
7. Kitab “*Aqidatun Najiin*” (Aqidah Kaum Terselamat Dari Sesat & Bid’ah) susunan Zainal Abidin bin Muhammad al-Fathani (2004), semakan oleh Muhammad Labib Sued Ahmad Semait, terbitan Pustaka Nasional Pte Ltd., Singapura.
8. Kitab “Minhajul Abidin Wasiat Iman Ghazali”, terjemahan Ir. Zakaria Adham (1989), terbitan Victory Agency, Bandar Baru Bangi.
9. Kitab “Mutiarah Ilmu Akidah” (terjemahan bagi Kitab *Faridatul Faraid fil Ilmi al-‘Aqid*), susunan Syeikh Ahmad bin M. Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fathani (2011), terjemahan oleh Ustaz Abdul Ghani Jabal Maraqy, terbitan Jabal Maraqy Enterprise, Kota Bharu.

Modul Kelas Pengajian Feqah

Kelas pengajian ini akan mendedahkan kepada para peserta tentang apa yang terkandung di dalam kitab *Fiqh Manhaji ‘Ala Mazhab Imam as-Syafie* (Kitab Fikah Mazhab Syafie) karangan Dr. Mustofa al-Khin, Dr. Mustofa al-Bugha dan Ali asy-Syarbaji bermula dari jilid satu (1) hingga jilid tujuh (7). Di antara bab-bab yang diajar di dalam kelas ini adalah seperti

bersuci, solat, zakat, puasa, haji dan umrah, sumpah (aiman) dan nazar, perburuan, sembelihan dan bab aqiqah. Kelas ini diadakan seminggu sekali selama satu (1) jam tiga puluh (30) minit. Peserta akan diajar dan dibimbing oleh guru yang berpengalaman sehingga peserta dapat mengetahui dan memahami dengan lebih jelas hukum-hukum dan pelaksanaan di dalam ibadah seharian seperti bersuci, solat dan lain-lain lagi (Yayasan Pahang, 2015).

Modul Kelas Pengajian Akhlak dan Tasawuf

Kelas pengajian ini akan mendedahkan kepada para peserta tentang apa yang terkandung di dalam kitab "*Hidayah as-Salikin Fi Suluki Maslaki al-Muttaqin*" karangan Tuan Syeikh Abdu as-Shamad al-Falimbani. Di antara bab-bab yang diajar di dalam kelas ini adalah seperti bab pada menyatakan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, berbuat taat dan ibadah yang zahir, menjauh segala maksiat yang zahir dan batin, menyatakan segala taat yang batin, fadhilat zikir dan adab bersahabat. Kelas ini diadakan seminggu sekali satu (1) jam tiga puluh (30) minit. Peserta akan diajar dan dibimbing oleh guru yang berpengalaman sehingga peserta dapat mengetahui dan memahami dengan lebih jelas ilmu-ilmu yang terkandung di dalam kitab ini (Yayasan Pahang, 2015).

Modul Kelas Pengajian Akidah dan Tauhid

Kelas pengajian ini akan mendedahkan kepada para pelajar tentang apa yang terkandung di dalam kitab "*Risalah At-Tauhid*" dan "Buku Sifat 20". Antara bab-bab yang diajar di dalam kelas ini adalah tentang Permulaan *Mabadi' Ilmu Tauhid*, Hukum Aqal, Tuhan Pencipta Alam, Mengenal Allah dan Sifat-sifat-Nya, Ta'rif Sifat-sifat yang Wajib, Mustahil dan Harus Bagi Allah Ta'ala, Dalil-dalil Aqli dan Naqli Bagi Sifat-sifat Allah, Pembahagian Sifat Dua Puluh, Sifat-sifat Berta'luq, Huraian al-Uluhiyyah, Sifat-sifat *Istighna' / Iftiqar*, Rukun-rukun Iman serta asy-Syafa'ah. Kelas ini diadakan seminggu sekali selama satu (1) jam tiga puluh (30) minit. Pelajar akan diajar dan dibimbing oleh guru yang berpengalaman sehingga pelajar dapat mengetahui dan memahami dengan lebih jelas ilmu-ilmu Akidah dan Tauhid yang berasaskan fahaman dan pegangan ahli sunnah (Yayasan Pahang, 2015).

Modul Kelas Pengajian Tajwid al-Quran dan Tafsir

Kelas pengajian ini akan mendedahkan kepada para peserta tentang apa yang terkandung di dalam kitab "Tajwid al-Quran". Di antara bab-bab yang diajar di dalam kelas ini adalah seperti bab Makhraj-Makhraj Huruf, Hukum Nun dan Mim Bertasydid, Hukum Bacaan Mad dan Qasr dan Bacaan Kata-Kata Huruf Rahsia dalam al-Quran. Kelas ini diadakan seminggu sekali satu (1) jam tiga puluh (30) minit. Peserta akan diajar dan dibimbing oleh guru yang berpengalaman sehingga peserta dapat mengetahui dan memahami dengan lebih jelas ilmu-ilmu yang terkandung di dalam kitab ini (Yayasan Pahang, 2015).

Setelah tamat pengajian Al-Quran dan tajwid peserta akan diperkenalkan pula dengan pengajian tafsir al-Quran bagi memahami makna dan maksud dan mendalami kehendak al-Quran melalui kitab tafsir Ibnu Kathir bermula dari tahap 1 sehingga tahap 3 pengajian.

Kesemua bentuk pengajian adalah dijalankan secara “bertalaqqi” iaitu guru akan membaca matan sesuatu nas, petikan dan keterangan daripada kitab kemudian mensyarahkannya secara terperinci. Manakala berkaitan dengan hukum-hukum feqah yang memerlukan latihan dan praktikal, maka guru akan memastikan setiap peserta mampu melaksanakan latihan dan praktikal tersebut seperti memandikan jenazah, solat jenazah, tayammum, sembelihan serta lainnya.

Setiap modul pengajian merangkumi 3 tahap, dan setiap tahap memakan masa 1 tahun 6 bulan untuk ditamatkan. Fokus pengajian adalah kepada 4 subjek utama iaitu fekah, aqidah, tasawuf dan tafsir al-Quran dengan menggunakan kitab-kitab turath yang muktabar. Penilaian bagi pengiraan markah pelajar adalah berdasarkan kehadiran ke kuliah pengajian, kuiz bulanan dan juga peperiksaan akhir (Yayasan Pahang, 2015).

9. Rumusan

Pengurusan program TFD dilihat sedang berjalan dengan baik dan teratur. Hal ini dilihat dari pemerhatian berikut:

1. Perancangan yang bersistematik Kerajaan Negeri Pahang menerusi Yayasan Pahang, Jabatan Agama Islam Pahang dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Pelaksanaannya sangat berstruktur dengan silibus khas secara berkitab, serta dibimbing oleh guru-guru yang bertaualiah.
2. Perjalanan program ini juga dipantau rapi oleh beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Panel Penggubal Kurikulum, Jawatankuasa Penggubal Soalan Peperiksaan Akhir, Jawatankuasa Pemilihan Tenaga Pengajar dan Jawatankuasa Pemantau Perjalanan TFD yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang akademik dan pengurusan.
3. Program TFD juga dijalankan secara percuma untuk segenap lapisan masyarakat tanpa mengira latarbelakang pendidikan atau taraf sosio-ekonomi. Ini menjadikan program TFD menerima sambutan yang baik dari masyarakat yang dahagakan ilmu pengetahuan, tanpa perlu risau dengan bebanan yuran atau kos pengajian.
4. Penyediaan kemudahan pembelajaran di masjid juga amat baik sekali. Pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Pahang sentiasa mengambil tindakan segera untuk menambahbaik atau membaikpulih mana-mana kemudahan kelas yang kurang selesa atau rosak seperti meja, kerusi dan sistem pendingin hawa; demi memastikan para peserta TFD dapat mengikuti pengajian dengan selesa dan tenang.
5. Pertambahan kelas TFD di masjid dan premis di luar Pahang seperti di Penjara Bentong, Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin di Putrajaya dan Rumah Pahang di Kaherah membuktikan program ini diterima baik oleh segenap lapisan masyarakat.

10. Saranan

Pada masa hadapan, satu kajian lanjut perlu dibuat untuk melihat secara dekat tahap kepuasan para peserta TFD sepanjang mengikuti kelas-kelas yang disediakan. Beberapa perkara perlu dilihat secara terperinci untuk mengenal pasti tahap kepuasan pelajar terhadap fasiliti yang disediakan dan juga terhadap kemahiran mengajar guru-guru.

11. Penutup

Komitmen Kerajaan Negeri Pahang untuk mewujudkan sistem pendidikan Islam secara formal di masjid-masjid di Pahang dapat dibuktikan menerusi kewujudan Program Tafaquh Fiddin ini. Usaha sebegini wajar dicontohi oleh kerajaan negeri-negeri lain sebagai satu usaha menjadikan masyarakat lebih berpengetahuan dalam ilmu-ilmu keagamaan menerusi satu sistem pendidikan yang bersistematik.

RUJUKAN

- Alam, R. H. (2016). Pendidikan keagamaan pada komunitas Muslim Indonesia di Hong Kong. *EDUKASI: Jurnal Penelitian Pendidikan Agama Dan Keagamaan*, 14(3).
- Alkhateeb, F. (2012). Education in Islamic history. Retrieved June 13, 2022, from <http://lostislamichistory.com/education>
- Agustina, D. F. (2008). *Peranan dana BOS (Bantuan Operasional Sekolah) dalam meningkatkan mutu pendidikan agama islam di MTs Negeri Mojokerto dan MTs Miftahul Ulum Ngoro Jombang* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim).
- Badudu, J. S. (Jusuf Sjarif), 1926-; Zain, Sutan Mohammad. *Kamus umum bahasa indonesia / J.S.Badudu, Sutan Mohammad Zain*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1994.
- Basri, H. H. (2018). The Mosque Based Islamic Education in Guangzhou China. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(2-1).
- Ferdi, W. P. (2013). Pembiayaan pendidikan: Suatu kajian teoritis. *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*, 19(4), 565-578.
- Hasanain, M., & Muslimatusshalihah, B. (2021). Reactualize the Role and Function of Mosque in Developing the Education of Ummah: Study in East Lombok West Nusa Tenggara Province. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 8(10), 510-516.
- Jabatan Agama Islam Pahang. (2022). Objektif dan Fungsi. Retrieved July 13, 2022 from <https://jaip.pahang.gov.my/index.php/objektif-fungsi/>
- Malik, O. L. A., & Hamad, A. S. (2014). The impact of mosque in development of Islamia education in Nigeria. *GSE E-Journal of Education*, 2, 93-98.
- Matheson, V. (1975). Concepts of state in the Tuhfat al-Nafis. *Reid and Castles*, 12-21.
- Milner, A.C. (1981) *Islam and Malay kingship / A. C. Milner*. The Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland, 113 (1). pp. 46-70.
- Muhammad, N., & Petra, M. I. (2021). History and Development of the Brunei Education System. In *Globalisation, Education, and Reform in Brunei Darussalam* (pp. 21-44). Palgrave Macmillan, Cham.

- Munir, A. (2013). Manajemen Pembiayaan Pendidikan dalam Perspektif Islam. *At-Ta'dib*, 8(2).
- Omer, S. (2010). Some lessons from prophet Muhammad (saw) in architecture: the prophet's mosque in Madīnah. *Intellectual Discourse*, 18(1).
- Pa, B. B. C. (2012). Institusi raja dan peranannya terhadap penyebaran Islam di Alam Melayu Nusantara. *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam. Brunei: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan*.
- Rahman, A., Warsah, I., & Murfi, A. (2019). Islamic Education System in Singapore: Current Issues and Challenges. *Jurnal Pendidikan Islam*, 8(2), 197-222
- Rahman, A. (2017). Efisiensi Dalam Pembiayaan Pendidikan Untuk Meningkatkan Kualitas Pendidikan. *Eklektika: Jurnal Pemikiran dan Penelitian Administrasi Pendidikan*, 5(2), 87-102.
- Rasdi, M. T. H. M. (1998). *The mosque as a community development centre: Programme and architectural design guidelines for contemporary Muslim societies*. Penerbit UTM.
- Rasmanah, M. (2011). Pendekatan Halaqah dalam Konseling Islam. *Wardah*, 12(1), 55-69.
- Rosele, M. I., Abd Rahim, R. A., & Ali, W. Z. K. W. (2018). Peranan Sultan dalam perkembangan Islam di Negeri Pahang. *Jurnal Pengajian Melayu/Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 29(1), 51-77.
- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang. (1983). Cetakan semula No. 1. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Utaberta, N., & Rasdi, M. T. M. (2010). Deskripsi tipologi, klasifikasi dan analisis perancangan masjid di malaysia. *El-Harakah Journal Budaya Islam*, 12(2), 85-100.
- Winstedt, R. (1953). Sejarah Melayu or "Malay Annals". Tr. by C. C. Brown. Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Singapore, 1952. Price 23sh. 4d. *Journal of the Royal Asiatic Society*, 85(3-4), 174-175.
- Wirian, O., Agustina, N., & Siahaan, A. (2022). Model-Model Pembiayaan Pendidikan. *Educate: Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran*, 1(1), 44-56.
- Yayasan Pahang. (2015). Modul Program Pengajian Tafaqquh Fiddin Negeri Pahang. Percetakan Inderapura, Kuantan.
- Zaimeche, S. (2002). Education in Islam: the role of the mosque. *United Kingdom: Foundation for Science Technology and Civilisation*, 3.